



Praktik Bimbingan Menurut Hadis dalam Peningkatan Kecerdasan Psikologi Remaja Berisiko

[Hadis-Based Guidance Techniques to Raise the Psychological Intelligence of At-Risk Adolescents]

Nurul Aqilah Mohamad Asri¹, Muhammad Arif Yahya* & Zaizul Abdul Rahman

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding Author: Muhammad Arif Yahya, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Malaysia. E-mail: arifyahya@ukm.edu.my.

Keywords:

Hadis; Nabawi Perspective, Adolescent, Deviant Behaviour. Reflective Approach.

ABSTRACT

Some youths are more likely to become involved in delinquent situations because of strain and stress during the development process as well as the difficulties of the modern world. The poor level of intelligence among teenagers is among the elements that are certain to contribute to this occurrence of delinquency. Islamic psychology therefore places a strong emphasis on ways of approach that celebrate the psychological milieu of adolescents and foster the development of intellect so that the adopted approach influences good behavior changes and rational thought. Thus, the purpose of this essay is to explain the idea of the Prophet's instruction in dealing with criminals, particularly teens, psychologically using the scriptural technique of hadis. This study employs qualitative design with the help of the method of document analysis. Primary sources like books, articles, proceedings, and scientific studies related to the concept of guidance and the psychology of intelligence are also analyzed and studied. Secondary sources include hadis books and related hadis lectures. The study discovered that the hadis truly contain the element of intelligence used in the practice of guiding and counselling when dealing with problematic instances. The Prophet SAW strategy is a source of growing psychological well-being since it combines intellectual, emotional, moral, and spiritual wisdom. The outcomes of this study are anticipated to contribute to the development of the scriptural approach to Islamic psychology (Nabawi) as a preventative and recuperative strategy for adolescents with risky cases and to the development of the concept of Nabawi psychology as a model or module for future research.

Kata Kunci:

Hadis; psikologi hadis, kaedah bimbingan, penasihat, kecerdasan, remaja berisiko,

ABSTRAK

Impak ketegangan dan tekanan semasa proses kematangan di samping cabaran dunia hari ini menyebabkan sebahagian remaja lebih mudah terlibat dengan kes delinkuensi. Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada kes delinkuensi berpunca dari tahap kecerdasan dalam diri remaja yang rendah. Oleh yang demikian, kaedah pendekatan yang meraikan suasana psikologi remaja dan mendorong pembinaan kecerdasan sangat perlu diberi perhatian agar pendekatan yang dilaksanakan memberi impak

kepada perubahan tingkahlaku positif dan pemikiran yang jernih. Justeru, artikel ini bertujuan membincangkan konsep bimbingan Nabawi dalam menangani pesalah khususnya remaja secara psikologi dengan kaedah skriptual hadis. Kajian menggunakan rekabentuk kualitatif melalui kaedah analisis dokumen melibatkan sumber primer seperti kitab hadis serta syarah yang berkaitan dan buku psikologi. Selain itu, sumber sekunder seperti, artikel, prosiding dan kajian ilmiah berkaitan konsep bimbingan dan psikologi kecerdasan turut dianalisis dan dikaji. Kajian mendapati elemen kecerdasan dalam praktik bimbingan dan penasihatn bagi menangani kes berisiko secara literal terkandung di dalam hadis-hadis. Kecerdasan intelaktual (IQ), emosional (EQ), moral (MQ), dan spiritual (SQ) yang menjadi sumber peningkatan kesejahteraan psikologi turut ditemui di dalam pendekatan yang diterapkan Rasulullah SAW. Kesimpulannya, kaedah bimbingan Nabawi sebagai mekanisme pencegahan dan pemulihan remaja bersesuaian dengan psikologi perkembangan remaja. Implikasi dari kajian ini diharap dapat memperkayakan lagi pendekatan psikologi Islam secara skriptual hadis sebagai mekanisme pencegahan dan pemulihan remaja dengan kes berisiko dan dikembangkan di dalam kajian lanjutan sebagai model atau modul yang bagi mendapat kesahan dan kebolegunaan konsep psikologi Nabawi.

Received: September 30, 2023

Accepted: October 31, 2023

Online Published: December 31, 2023

1. Pendahuluan

Impak cabaran hari ini mempengaruhi perubahan sosial remaja dengan kesannya dapat dilihat berdasarkan tahap kesejahteraan psikologi dan kecenderungan tingkah laku berisiko golongan remaja. Statistik oleh (WHO, 2021) secara global mendapati 14% remaja yang berumur 10 hingga 19 tahun mengalami masalah kesihatan mental. Tinjauan oleh (NHMS, 2019) turut mendapati sebanyak 7.9% kanak-kanak dan remaja di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental dengan kekerapan yang lebih tinggi iaitu 9.5 peratus berlaku kepada individu berumur 10- 15 tahun. Antara kesan kesihatan mental yang dilaporkan melibatkan masalah emosional, masalah tingkah laku, dan masalah tingkah laku berisiko.

Tinjauan Statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2016 hingga 2020 merekodkan lebih 10 kesalahan melibatkan penglibatan dan tangkapan juvana. Berdasarkan laporan statistik jenayah juvana yang dikeluarkan oleh beberapa negeri antaranya statistik jenayah Johor, kes paling tinggi membabitkan pelajar adalah mencuri, mencederakan orang, pecah rumah, rogol dan samun dengan 95% peratus jenayah juvana melibatkan remaja lelaki (Mohamad Faizal Hashim, 2020; Omar Ahmad, 2020). Menurut Datuk Mohd Suhaily Mohd Zain ketua polis Pulau Pinang, laporan statistik jenayah Pulau Pinang dari Julai 2021 hingga November 2022 mencatatkan penahanan remaja sebanyak 1, 251 orang dengan 86% peratus daripadanya berumur di antara sepuluh hingga sembilan belas tahun, lebih membimbangkan penglibatan remaja dengan jenayah rogol di negeri itu mencatatkan sebanyak tujuh puluh tujuh orang dari sembilan puluh enam kes tangkapan (Bernama, 2022).

Reaksi negatif yang dizahirkan melalui tingkah laku seperti mencuri, mencederakan, rogol, dan samun (Norhashimah Yahya et al., 2021) menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi dalam perkembangan diri remaja hari ini perlu diberi perhatian. Berdasarkan kajian (Holmes et al., 2020) keperluan merangka strategi dan tindakan jangka panjang yang menjamin kesihatan mental yang terjejas hari ini adalah satu keperluan yang mendesak. Justeru kaedah intervensi yang meningkatkan tahap kesejahteraan psikologi dan membantu pembinaan resilansi sangat diperlukan bagi memelihara kesihatan mental remaja semasa proses perkembangan bagi menjamin pembentukan modal insan, khususnya remaja yang cenderung dengan isu-isu berisiko mahupun terlibat langsung di dalam masalah sosial. Menurut Kajian (Rahim Kamarul Zaman et al., 2021) melalui kombinasi kesejahteraan pelbagai dimensi dalam kehidupan individu, kesejahteraan psikologi dapat dihasilkan khususnya kawalan terhadap tumpuan dan gaya fikiran yang merupakan teras dalam menghasilkan perkara positif dalam hidup.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dihasilkan dengan tujuan mengemukakan kaedah pendekatan bimbingan berasaskan psikologi Nabawi yang menekankan elemen Kecerdasan emosi (EQ), mental dan moral berdasarkan hadis bagi menyokong kawalan kesejahteraan psikologi yang membantu ke arah pembinaan konsep sendiri, nilai, dan sahsiah diri.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan Psikologi Skriptual Hadis sebagai method kajian psikologi Islam. Menurut (Abdul Mujib & Jusuf Mudzkir, 2001) pendekatan mengkaji psikologi Islam secara literal dari hadis dan al-Quran yang dikenali sebagai Pendekatan Skriptual adalah sebahagian dari pendekatan membangunkan Psikologi Islam yang digunakan oleh sarjana awal. Lafaz - lafaz yang terkandung dalam teks al-Quran dan hadis sudah dianggap jelas petunjuknya oleh sarjana yang membangunkan pendekatan psikologi melalui kaedah ini. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan pendekatan analisis dokumen perseptif hadis melibatkan kitab *Sahih al- Bukhari*, Kitab *Sahih Muslim*, Kitab *Musnad al- Imam Ahmad bin Hambal* beserta kitab- kitab syarahan berkaitan sebagai sumber primer. Sumber sekunder seperti buku, artikel, prosiding, dan bahan ilmiah yang berkaitan kajian turut dikaji untuk mendapatkan kefahaman berkaitan psikologi bimbingan dan penasihat.

Metode pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah analisis terperinci (*tahlili*) yang merupakan salah satu dari empat prosuder kajian pendekatan psikologi skriptual. Pemilihan hadis juga hanya melibatkan hadis yang mencapai martabat *sahih* sebagai sumber penelitian berikutan martabatnya yang tinggi di dalam ilmu hadis. Justeru berdasarkan keunggulan hadis yang menjadi rujukan kedua umat Islam dan keberkesannya yang terbukti, maka kajian berpendapat kaedah bimbingan Nabawi signifikan untuk dijadikan sumber rujukan dalam membimbing remaja berisiko.

3. Psikologi Remaja Berisiko dan Konsep Bimbanga

Remaja merujuk kepada golongan yang berada di fasa transisi perkembangan di antara zaman kanak-kanak dan dewasa yang berumur di antara umur 10 dan 19 tahun (WHO 1948). Manakala remaja menurut Islam adalah individu yang mencapai umur *baligh* dan berakhir apabila mencapai umur dewasa. Menurut sebahagian besar ahli psikologi remaja adalah golongan yang berumur di antara 11- 20 tahun (Mohd Hamdan Abdullah, Fariza Md. Sham & A'dawiyah Ismail, 2018). Remaja di dalam bahasa Arab disebut sebagai *murahiq* secara bahasa (رَهَق) / bermaksud: individu bodoh, dungu, tergopoh – gapah, suka melakukan kejahatan, kezaliman dan perbuatan suumbang atau menjatuhkan maruah (Faris Abadiyy 1995; Ibn Faris 1979). Definisi *murahiq* ini menggambarkan keadaan jiwa remaja sebagaimana menurut pakar psikologi Barat (Gross and David Capuzzi 1976) bahawa remaja adalah tempoh penuh konflik dan masalah atau disebut dalam proses perkembangan sebagai fasa “*storm and stress*”, pelbagai masalah akan timbul seperti pemberontakan, percubaan, dan tekanan yang cenderung membawa kepada penglibatan perkara yang membahayakan dan menyalahi nilai norma (Mohd Nazim et al. 2017). Berdasarkan istilah ini juga ternyata didapati remaja disebabkan belum mencapai kematangan bersifat terburu-buru dan tergopoh- gapah dalam bertindak dan mudah terlibat dengan perkara menyimpang disebabkan tidak mampu menilai baik dan buruk sesuatu perkara, Hamdan Abdullah (2018).

Sebagaimana diketahui, fasa perkembangan adalah saat yang rapuh dalam diri remaja. Wujudnya tekanan dalam diri remaja adalah disebabkan oleh perubahan fizikal, mental dan nilai konflik (Mohd Haridi et al., 2019; Othman Md Johan & Norazmah Mohamad Roslan, 2011). Konflik dialami tersebut menyebabkan sebahagian remaja dengan tahap resiliensi yang lemah mudah terlibat dengan tingkahlaku menyimpang dan menyalahi nilai norma. Ini dibuktikan oleh kajian (Absha Atiah Abu Bakar & Mohd Isa Hamzah, 2019; Mariam Haridi et al., 2021) yang mendapati faktor remaja terlibat dengan kesalahan berisiko dan bertindak di luar kawalan adalah disebabkan tekanan yang sukar di atasi. Tahap ketahanan diri yang rendah juga menyebabkan remaja mudah terpengaruh dengan masalah sosial seperti ponteng sekolah, tidak patuh arahan, gangguan pelajaran, dan bersikap tidak sopan, lebih membimbangkan apabila remaja mula terlibat dengan kesalahan jenayah seperti mencuri, penyalahgunaan bahan, rogol, samun, dan membunuh (Mariam Abd Majid et al., 2019).

Menurut (Lisa J. Bridge dan Kristin A. Moore 2002) semasa tempoh perkembangan, remaja akan mula mengadaptasi pembelajaran yang diperoleh semasa tempoh kanak- kanak pengaruh dari didikan, pemerhatian, dan pergaulan dengan warga sekeliling. Menurut (Siti Nurjanah Mastor Mustafa et al., 2019). Pada fasa ini tahap kecerdasan dalam perkembangan emosi, mental, moral dan intelektual dapat dinilai dengan corak berfikir dan kecenderungan bertindak. Bimbingan dan nasihat meninggalkan impak yang besar dalam proses perkembangan

diri remaja (Siti Nurjanah, 2019). Menurut (Ee Ah Meng, 2002) pendekatan bimbingan adalah sebahagian dari tugas mendidik. Oleh itu, proses bimbingan adalah konsep asas yang perlu ada di dalam proses pendidikan dan kaunseling remaja berisiko. Menurut Jones (1970) bimbingan ialah bantuan yang diberikan kepada seseorang dalam membuat pemilihan, penyesuaian, dan menyelesaikan masalah dengan tujuan membangunkan kepercayaan, mengarahkan kegiatan hidup, dan sifat tanggungjawab terhadap pilihan dan tindakan dalam diri individu yang dibantu. Proses bimbingan secara umumnya adalah proses pertolongan oleh seseorang terhadap individu lain untuk memahami diri dan suasana sekeliling (Asmah Ismail, 2012) serta menghadapi permasalahan hidup (Khadijah Rohani bt Mohd Yunus & Nazariah bt Ab. Samad, 2007).

Kaedah bimbingan oleh Rasulullah SAW terhadap sahabat dari kalangan remaja yang melakukan kesalahan sebahagiannya secara jelas praktikalnya digambarkan di dalam hadis, bahkan sebahagian peristiwa diriwayatkan sendiri oleh pelaku yang merupakan sahabat untuk dijadikan teladan. Ini berikutan setiap apa yang datang dari Rasulullah SAW samada berbentuk percakapan, perbuatan, dan sesuatu yang diakui menjadi rujukan umat Islam (al-Sibai'e, 1982; al-Salih, 1984). Oleh itu, kaedah bimbingan dan penasihatannya Rasulullah SAW terhadap pesalah amat penting untuk dikaji kerana keseluruhan peribadi Rasulullah adalah teladan dan dipandu oleh wahyu (Shihab, 2002).

4. Dapatan Kajian

Praktik Bimbingan Rasulullah SAW terhadap Sahabat Remaja.

Golongan remaja dari kalangan sahabat adalah di antara yang banyak meriwayatkan hadis disebabkan membesar di sekitar Rasulullah SAW. Di antara hadis yang diriwayatkan oleh golongan ini ialah berkaitan didikan dan bimbingan yang diterima secara langsung daripada Rasulullah SAW. Menerusi hadis yang diriwayatkan, pelbagai panduan dapat diambil sebagai teladan disebabkan yang datang dari mereka berkaitan Nabi SAW adalah sunnah yang diterima dan dijadikan rujukan (Ammar Fadzil & Ahmed el-Mogtaba Banna, 2008).

Beberapa kriteria ditetapkan di dalam pemilihan hadis bagi menepati tujuan kajian. Berikut adalah ciri-ciri hadis yang digariskan: **Pertama:** Pelaku di dalam konteks hadis adalah remaja. **Kedua:** Konteks matan hadis mengandungi penjelasan kesalahan. **Ketiga:** Matan hadis mempunyai unsur didikan dan bimbingan terhadap pesalah. Berdasarkan tiga ciri yang digariskan, sejumlah 4 hadis seperti Jadual 1 telah dipilih.

Jadual 1: Taburan Hadis Bimbingan Remaja Pesalah

Bil	Perawi	Rujukan & No. Hadis		
		<i>Sahih al-Bukhari</i>	<i>Sahih Muslim</i>	<i>Musnad Ahmad</i>
1	Usamah bin Zayd RA	4269	96	
2	'A'isyah binti Abu Bakar RA	6406	1688	
			2165	
3	Abu Umamah al-Bahily RA			11222

Berdasarkan Jadual 1, teladan daripada hadis yang berlaku ke atas Usamah bin Zaid adalah yang pertama pertama dibahas.

4.1 Teladan daripada Kisah Usamah bin Zaid

Usamah bin Zaid bin Harithah al-Kalbi RA adalah dari kalangan sahabat muda (*sighar al-Sahabah*). Dilahirkan pada tahun ke-7 sebelum hijrah dari pasangan sahabat Zaid bin Harithah RA dan Ummu Aiman RA. Proses tumbesaran beliau berada di bawah penjagaan dan didikan Rasulullah SAW sejak kecil disebabkan menjadi pembantu. Beliau diberi julukan (*hibbu Rasulullah*) yang bermaksud dikasihi atau jantung hati Rasulullah SAW atau (*hibbu Ibnu al-Hibbi*) dikasihi anak kepada yang dikasihi (Khalid, 2000; Maa'ddi, 2011). Gelaran ini diberi disebabkan beliau dan ayahnya adalah antara sahabat yang paling dikasihi oleh Rasulullah SAW bahkan ayahnya dianggap sebagai anak dan pernah dinisbahkan namanya kepada baginda SAW (Zaid bin Muhammad). Perihal ini menyebabkan turunnya ayat larangan di dalam surah *al-Ahzab* yang membatalkan amalan tersebut di dalam Islam (Khalid, 2000). Ketika kewafatan Rasulullah SAW beliau berada di fasa transisi akhir umur remaja iaitu berumur 19 tahun (Maa'ddi, 2011). Usamah wafat ketika usianya menjangkau 61 tahun iaitu pada tahun 45 Hijrah.

Dengan kelebihan sebagai pembantu yang mendampingi Rasulullah SAW, beliau menjadi sebahagian daripada sahabat muda yang meriwayatkan banyak hadis dan sunnah termasuklah proses didikan yang diterima sebagai panduan serta teladan umat Islam. Kajian memfokuskan dua hadis berkaitan Usamah untuk dijadikan rujukan konsep bimbingan terhadap remaja yang dianalisis di dalam kajian ini. Hadis tentang pendekatan bimbingan dan teguran oleh Rasulullah SAW terhadapnya sebagaimana yang terkandung di dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari (6406 & 4269) dan Imam Muslim (1688 & 158/96).

Hadis Pertama: Riwayat daripada oleh Usamah bin Zaid RA

بَعَثَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فِي سَرِيَّةٍ، فَصَبَّحْنَا الْحَرَقَاتِ مِنْ جُهَيْنَةَ، فَأَدْرَكْتُ رَجُلًا فَقَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، فَطَعَنْتُهُ فَوَقَعَ فِي نَفْسِي مِنْ ذَلِكَ، فَذَكَرْتُهُ لِلنَّبِيِّ ﷺ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: أَقَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَقَتَلْتَهُ؟ قَالَ قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّمَا فَالَهَا خَوْفًا مِنَ السِّلَاحِ، قَالَ: أَفَلَا شَقِقتَ عَنْ قَلْبِهِ حَتَّى تَعْلَمَ أَقَالَهَا أَمْ لَا؟ فَمَا زَالَ يُكَرِّمُهَا عَلَيَّ حَتَّى تَمَّيْتُ أَبِي أَسْلَمْتُ يَوْمَئِذٍ، قَالَ: فَقَالَ سَعْدٌ: وَأَنَا وَاللَّهِ لَا أَقْتُلُ مُسْلِمًا حَتَّى يَقْتُلَهُ ذُو الْبُطَيْنِ يَعْني أُسَامَةَ.

Maksudnya:

Daripada Usamah bin Zaid RA katanya : Rasulullah SAW mengutus kami dalam satu pasukan ketenteraan lalu kami menyerang kabilah al-Huruqat daripada Juhaynah pada waktu subuh. Ketika di dalam peperangan itu aku bersama seorang lelaki Ansar telah mendepani seorang lelaki dari kalangan musuh, ketika mana kami mengempungnya dia lantas mengucapkan: La ilaha illa Allah (Tiada tuhan melainkan Allah), lelaki Ansar tersebut menahan diri dari mengambil sebarang tindakan, namun aku nekad menemukannya dengan tombak sehingga mati. Ketika kami tiba dari peperangan, berita tersebut telah sampai kepada Rasulullah SAW, baginda lantas bertanya: “Dia mengucapkan La Ilaha Illa Allah lalu kamu membunuhnya?” Aku berkata : “Wahai Rasulullah! sesungguhnya dia mengucapkan syahadah untuk melindungi diri. Rasulullah SAW mengulangi pertanyaan tersebut beberapa kali sehingga aku berangan-angan seandainya pada hari itu aku belum memeluk Islam (menyesali tindakan tersebut). Telah berkata Sa’ad (Sa’ad bin Abi Waqas): Demi Allah aku tidak akan memerangi (membunuh) seorang muslim sehinggalah Zu al-Butain iaitu Usamah memerangi.

[Muslim, *Kitab al-Iman, Bab: Tahrim Qatlu al-Kafir Ba’da an Qala: La Ilaha illa Allah*, no hadis 96: 46] Martabat hadis adalah Sahih (*Muttafaq a’laih*) / HR. al-Bukhari: 4269

Hadis di atas memaparkan kisah Usamah bin Zaid RA bertindak membunuh seorang lelaki yang mengucapkan syahadah di dalam peperangan. Tindakan tersebut diambil oleh beliau berdasarkan tanggapan bahawa lelaki yang dibunuh melafazkan syahadah disebabkan nyawa yang terancam.

Pendekatan yang dipaparkan Rasulullah SAW dalam menangani kesalahan Usamah RAdi dalam hadis ini berbentuk pengulangan soalan yang mengingkari tindakan tersebut. Ketelitian Rasulullah SAW dalam mengambil sebarang pendekatan dapat dilihat dengan jelas menerusi tindakan baginda yang melontarkan soalan untuk mendapatkan keterangan di awalnya. “Dia berkata La Ilaha Illa Allah lalu kamu membunuhnya?”. Menurut (al-Ansari, 2005) selain mendapat keterangan dan bukti, soalan tersebut mengandungi unsur mengingkari tindakan salah tersebut.

Tindakan susulan yang merupakan pendekatan dalam membetulkan kesalahan diambil oleh Rasulullah SAW setelah mendengarkan keterangan dari Usamah bin Zaid RA yang berkata: “Wahai Rasulullah! sesungguhnya dia mengucapkannya kerana takutkan senjata – dalam riwayat lain - ingin melindungi diri”. Mendapati tindakan salah yang diambil Usamah bin Zaid RA bersifat sangkaan, Rasulullah SAW lantas meneruskan soalan kedua dan mengulangnya berkali-kali. “Apakah kamu membelah dadanya sehingga kamu tahu apa di dalamnya?”.

Tindakan ini adalah bertujuan menyelar tindakan salah tersebut, selain menyuntik kesedaran dan penyesalan di hati pelaku. Selain itu, pendekatan Rasulullah SAW yang berkali-kali mengulangi soalan bersifat menyalahkan, mengecam, dan mencela perbuatan salah tersebut adalah sebagai peringatan bahawa nyawa individu yang telah mengucapkan syahadah sangat bernilai. Secara amnya, teguran ini adalah bertujuan agar menjauhi andaian atau perkara yang terkandung di dalam hati (Battal, 2003. al-Shatty 2009).

Ibn Hajar dalam mensyarahkan hadis ini menyebut bahawa kebertanggungjawaban seseorang terhadap sesuatu kesalahan dituntut sekiranya dizahirkan seperti ucapan yang dituturkan lisan. Adapun perkara yang terkandung di hati dan tidak mampu dicerap sebagai pembuktian, maka ia bukanlah sesuatu yang dikira sebagai perbuatan selagi mana tidak dizahirkan (al- ‘Asqalani, 1999). Ini selari dengan kaedah Islam sebagaimana

terkandung di dalam hadis yang menjadi sandaran perundangan syarak, diriwayatkan oleh Ibnu A'bbas RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

"لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لَادَّعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ، وَلَكِنَّ الْيَمِينُ عَلَى الْمُدَّعِي عَلَيْهِ."

Maksudnya: "Jika semua dakwaan manusia itu diterima, maka manusia akan mendakwa dengan sewenang-wenangnya mereka berhak ke atas harta benda dan darah orang lain. Akan tetapi keterangan/ bukti (*al-Bayyinah*) terletak di bahu orang yang mendakwa dan sumpah (*al-Yamin*) atas orang yang megingkari dakwaan ke atasnya (orang yang didakwa)".

[Muslim. Sahih Muslim, kitab *al-Aqdhayah*, Bab: *al-Yamin a'la al-Mudda'a a'laih*, 1711: 862]

Adapun al- Sa'adi dalam (al- Tabari, 2000) berpandangan ayat - 94 daripada Surah al- Nisa' turun sebagai teguran terhadap Usamah bin Zaid dan umumnya kepada orang beriman sebagaimana firman Allah S.W.T:

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) pada jalan Allah (untuk membela Islam), maka hendaklah kamu menyelidik (apa jua perkara dengan sebaik-baiknya), dan janganlah kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang menunjukkan kepada kamu sikap damai (dengan memberi salam atau mengucap dua Kalimah Syahadat): "Engkau bukan orang yang beriman" (lalu kamu membunuhnya) dengan tujuan hendak (mendapat harta bendanya yang merupakan) harta benda kehidupan dunia (yang tidak kekal).

Berdasarkan Hadith ini, kajian mendapati kaedah bimbingan dan penasihatian oleh Rasulullah S.A.W terhadap Usamah bin Zayd membantu meningkatkan kecerdasan dalam pembinaan kesejahteraan psikologi pesalah. Soalan pertama dan diikuti soalan kedua beserta pengulangan membantu Usamah bin Zayd RA menilai kesalahan berdasarkan pemikiran di mana proses penaakulan telah berlaku. Pendekatan ini dilihat selari dengan pandangan (Zohar, D. & Marshal, I. 2000) yang berpendapat bahawa proses kognitif seperti berfikir, kemampuan menghubungkan maklumat, dan menilai atau mempertimbangkan sesuatu secara rasional adalah ciri- ciri Kecerdasan intelektual (IQ).

Selain itu pendekatan bimbingan Rasulullah SAW turut membantu meningkatkan Kecerdasan emosi (EQ) pesalah, ini dibuktikan dengan perubahan diri Usamah RA yang lebih berhati- hati dalam urusan melibatkan nyawa, bahkan beliau turut bersumpah tidak akan menumpahkan darah muslim sejak peristiwa tersebut. Menurut (Goleman, 1998) kemampuan mengawal dan mengelolakan diri dan orang lain dari sudut perasaan, emosi dan tingkah laku adalah ciri- ciri individu yang mempunyai Kecerdasan emosi (EQ). Kecerdasan hasil bimbingan Rasulullah SAW tersebut dibuktikan dengan ungkapan Saad Bin Abi Waqas yang menjadikan Usamah RA panduannya dalam menghadapi perang yang penuh fitnah (Perang Siffin) (Lasyin., 2002).

Selain Kecerdasan intelektual (IQ) dan emosi (EQ), peningkatan Kecerdasan spiritual (SQ) turut terkandung di dalam hadis berdasarkan syarah oleh al- Nawawy (Lashin., 2002) di dalam *Fathu al- Muni'm* yang menyebut, setelah teguran tersebut Usamah bin Zaid RA kembali mendatangi Nabi SAW dan berkali – kali meminta Rasulullah SAW memohon keampunan untuknya.

Hadis Kedua: Riwayat oleh 'A'isyah RA

أَنَّ فُرَيْشًا، أَمَّهُتَهُمُ الْمَرْأَةَ الْمَحْزُومِيَّةَ الَّتِي سَرَقَتْ فَقَالُوا مَنْ يُكَلِّمُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ وَمَنْ يَجْتَرِي عَلَيْهِ إِلَّا أَسَامَةُ حِبُّ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَكَلَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ " أَتَشْفَعُ فِي حَدِّ مَنْ حُدِدَ مِنْ خُدُودِ اللَّهِ ". ثُمَّ قَامَ فَحَطَبَ قَالَ " يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا ضَلَّ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقَ الشَّرِيفُ تَرَكُوهُ، وَإِذَا سَرَقَ الضَّعِيفُ فِيهِمْ أَقَامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ، وَإِنَّمَا اللَّهُ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ حُمُدًا يَدَهَا ".

Maksudnya:

Bahawasanya kaum Quraisy merasa khuatir apabila berlaku kecurian yang dilakukan oleh wanita bangsawan Bani Makhzum. Maka berkatalah sebahagian mereka: Siapakah lagi yang dapat diharapkan untuk berbicara berkaitan ini (keringanan hukuman) kepada Rasulullah melainkan hanya Usamah yang mempunyai keberanian kerana beliau adalah seseorang yang sangat dikasihi oleh baginda SAW. Sesuai persetujuan Usamah RA kemudiannya menemui dan mengutarakan hasrat tersebut kepada Rasulullah SAW. Mendengarkan permintaan tersebut Rasulullah SAW lantas bersabda: "Apakah kamu mahu memohon syafaat terhadap salah satu hukuman

dari hukuman – hukuman hudud yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T?”. Kemudian baginda SAW lantas berdiri lalu berkhotbah: “Wahai sekalian manusia, ketahuilah sesungguhnya diantara kesesatan yang dilakukan oleh umat sebelum kamu adalah, apabila seseorang dari kalangan bangsawan mencuri maka mereka akan melepaskannya, sekiranya yang mencuri tersebut dari kalangan golongan lemah, hukuman akan dilaksanakan mereka ke atasnya. Maka aku bersumpah: “Demi Allah! Seandainya Fatimah binti Muhammad telah mencuri, sesungguhnya Muhammad (baginda) akan memotong tangannya”.

[al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Kitab al- Hudud, Bab Karahiyah al-Syafa’ah fi al-Hadd iza Rafa’a ila al- Sultan,* no hadis, 6406:491]

[Muslim, *Kitab al- Hudud, Bab Qat’u al-Sariq al-Syarif waghairihi wa al- Nahyu ‘an al- Syafa’ah fi al- Hudud,* no hadis, 1688] Martabat hadis adalah *Sahih (Muttafaq ‘alaih)*

Hadis ini menceritakan perihal Usamah bin Zaid RA yang memohon diringankan hukuman ke atas pesalah dalam jenayah *hudud*. Jelas bahawasanya hukum hudud tidak boleh diringankan atau dibatalkan berikutan ia bersangkutan dengan hak Allah S.W.T. berdasarkan pendapat oleh beberapa orang sahabat seperti Zubair Ibn ‘Awwam, Ibnu ‘Abbas, ‘Ammar bin Yasir, dan beberapa orang tabii’n seperti Zahrawy dan Auzai’.

Menurut keterangan Ibnu Hajar (al- ‘Asqalani, 1999) di dalam syarahnya, hadis ini memerihalkan tentang Usamah bin Zaid RA yang memohon syafaat bagi wanita *Makhzumiyah* yang terkait hukuman hudud. Kelebihan hubungan beliau dimanfaatkan oleh golongan Quraisy bagi meringankan hukuman terhadap wanita *Makhzumiyah* yang berasal dari keluarga terhormat. Seperti perihal yang disebutkan di dalam hadis, ketika Rasulullah SAW melihat Usamah RA datang menemuinya, segera baginda bersabda: “Apakah kamu ingin memohon syafaat dalam satu hukuman (hudud) dari hukuman Allah S.W.T?”. Menurut riwayat Habib bin Thabit secara *mursal*, ketika Rasulullah SAW melihat Usamah bin Zaid RA mendatanginya, segera baginda SAW berkata: “Jangan sampaikan kepadaku Wahai Usamah!” (Ahmad, 2001). Setelah tegahan tersebut disusuli soalan oleh Rasulullah yang mengandungi *uslub inkar* terhadap tindakan Usamah bin Zaid RA. Menurut riwayat Yunus dan al- Arnaut (al- ‘Asqalani, 1999) mendengarkan soalan tersebut, segera Usamah bin Zaid RA meminta Rasulullah SAW memohon keampunan baginya.

Berdasarkan konsep bimbingan dan teguran yang terangkum di dalam hadis ini didapati kaedah teguran Rasulullah dengan mempersoalkan tindakan Usamah RA. berjaya membangkitkan Kecerdasan intelaktual (IQ) (IQ) Usamah r.a agar memikirkan secara logik tindakan tersebut. Kemampuan berfikir secara logik dan menilai persepsi adalah di antara ciri- ciri Kecerdasan intelaktual (IQ) (Goleman, 1995; Zohar & Marshal, 2000). Selain itu, di dalam hadis ini turut memaparkan kaedah *targhib* dan *tarhib* yang digunakan oleh Rasulullah SAW melalui khutbah bagi menjelaskan kesalahan berserta implikasinya terhadap Usamah RA dan secara umumnya kepada masyarakat. Dan pendekatan tersebut dilihat berjaya menyuntik Kecerdasan spiritual (SQ) (SQ), ini dibuktikan dengan lahirnya kekesalan Usamah RA terhadap kesalahan yang dilakukan melalui tindakan bersegera memohon keampunan.

4.2 *Teladan daripada Kisah ‘A’isyah binti Abu Bakar RA*

‘A’isyah binti Abu Bakar RA. Beliau dilahirkan pada tahun ke-8 sebelum Hijrah dan dibesarkan di dalam keluarga yang mulia (keluarga Abu Bakar) sehingga sikapnya mirip dengan ayahnya dan digelar seperti ayahnya - *Siddiqah bintu al-Siddiq*-(al-Syawabikah, 2012). Beliau dinikahi oleh Rasulullah SAW ketika umurnya 9 tahun dan membesar sebagai seorang remaja di rumah Nabi SAW. *Ummu al-Mukminin* adalah gelaran yang diberikan kepada beliau kerana statusnya sebagai Isteri Rasulullah SAW. Disebabkan kelebihan tersebut beliau menjadi rujukan umat Islam bahkan tergolong di antara perawi yang banyak meriwayatkan hadis dengan jumlah 2210 riwayat, 174 hadis diriwayatkan beliau bermartabat *muttafaq ‘alaih*. Sebanyak 50 hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari bersendirian di dalam kitab *sahih* miliknya, manakala Imam Muslim secara bersendirian meriwayatkan 69 hadis di dalam kitab *sahih* milik beliau (al-Žahabi, 1996).

‘A’isyah RA adalah satu- satunya isteri Nabi SAW dari kalangan gadis. Perkembangan diri remaja beliau sepenuhnya dilalui bersama Rasulullah SAW, bahkan ketika kewafatan Nabi SAW umur beliau baru mencapai 18 tahun iaitu memasuki fasa terakhir umur remaja (Maa’dy, 2011; al- Žahabi, 1996). Di antara ribuan hadis yang diriwayatkan ‘A’isyah RA, sebilangannya berkisar tentang teguran dan bimbingan oleh Rasulullah SAW terhadap diri beliau, para sahabat, mahupun *sahabiyah*. Hadis berkaitan kesalahan beliau dalam berinteraksi

dengan orang kafir antara yang dianalisis dan memenuhi kriteria kajian. Sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim, 'A'isyah RA menceritakan:

اسْتَأْذَنَ رَهْطٌ مِنَ الْيَهُودِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَقَالُوا: السَّامُ عَلَيْكُمْ، فَقَالَتْ عَائِشَةُ: بَلْ عَلَيْكُمُ السَّامُ وَاللَّعْنَةُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: يَا عَائِشَةُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الرِّفْقَ فِي الْأَمْرِ كُلِّهِ قَالَتْ: أَلَمْ تَسْمَعْ مَا قَالُوا؟ قَالَ: قَدْ قُلْتُ وَعَلَيْكُمْ.

Maksudnya:

Suatu hari, telah melintasi sekumpulan Yahudi di depan Rasulullah SAW. Mereka kemudiannya berpura-pura memberi salam dengan menyebut: *al- Sam a'laikum* yang bermaksud (semoga kebinasaan menimpamu), Mendengarkan ucapan tersebut 'A'isyah RA segera membalas: "Semoga perkara sama menimpa kamu beserta laknat" Rasulullah SAW lantas menegur dengan bersabda: "Wahai 'A'isyah! sesungguhnya Allah suka kepada sikap santun (sopan) dalam setiap perkara. 'A'isyah RA lantas menjawab: "Apakah kamu tidak mendengar apa yang diucapkan mereka?". Rasulullah SAW berkata: "Aku juga telah menjawab - dan ke atas kamu".

[Muslim, *Kitab al- Salam, Bab: al-Nahyu a'n Ibtida' ahli al-Kitab bi al- Salam, wa Kaifa Yuraddu a'laihim, no hadis, 2165: 1707*]

Hadis ini memaparkan pendekatan Rasulullah SAW dalam menangani kesalahan 'A'isyah RA yang bersikap terburu- buru memberi reaksi marah dan mendoakan perkara buruk (laknat) terhadap sekumpulan Yahudi. Ibn Battal (Battal, 2003) menjelaskan sikap yang digambarkan 'A'isyah RA bertentangan dengan adab Islam, ini kerana tindakan sebaliknya diambil Nabi SAW iaitu sikap lemah lembut, memaafkan, dan mengalah seperti yang ditekankan di dalam Islam apabila menghadapi orang jahil dan golongan bukan Islam. Ini dikuatkan lagi oleh (Ibn Kathir, 1999) dalam menafsirkan sikap orang beriman ketika menghadapi golongan jahil dan bersikap buruk sebagaimana yang terkandung di dalam surah al-Furqan ayat- 63. Firman Allah S.W.T:

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا...

Terjemahan:

Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini.

[al-Quran, Surah al-Furqan, ayat- 63].

Mujahid (2001) ketika menafsirkan ayat 'mereka mengucapkan salam' telah menjelaskan bahawasanya mereka yang dimaksudkan adalah golongan beriman yang mengekalkan sikap santun apabila berdepan dengan golongan yang buruk peribadi dan tingkah lakunya. Dalam tafsiran lain ia menerangkan maksud '*salam*' adalah ungkapan atau perkataan balasan yang menghentikan dari dialog yang buruk.

Menurut Ibn Battal (2003) teguran oleh Rasulullah SAW bertujuan mencegah dari terlibat dengan perlakuan menyalahi nilai moral seperti yang ditunjukkan kumpulan Yahudi tersebut. Setelah teguran terhadap perlakuan buruk, Rasulullah SAW menyambung dengan menyebut: "*Sesungguhnya Allah S.W.T menyukai sifat lembut di dalam setiap urusan*". Sikap lembut yang diertikan ialah bersikap sopan dan santun dalam ucapan serta perbuatan, atau dalam kata lain bersikap mudah (al- Suyuti, 1998). Melalui pendekatan yang dipaparkan hadis, wujud elemen bimbingan kecerdasan emosi (EQ) dan spiritual (SQ) berdasarkan teguran Rasulullah yang meminta 'A'isyah mengawal emosi dengan mengingatkan tentang tingkah laku yang selayaknya bagi seorang mukmin.

Dapat dirumuskan melalui analisis hadis ini bahawa kaedah bimbingan oleh Rasulullah SAW menekankan pembangunan kecerdasan emosi (EQ) dan moral (MQ) melalui teguran yang diberikan. Selain itu, penekanan terhadap kecerdasan spiritual (SQ) turut diterapkan melalui saranan bersabar dan bersikap sopan mengikut saranan agama di dalam hadis.

4.3 Teladan kisah dari hadis riwayat Abu Umamah al-Bahily RA

Hadis oleh Abu Umamah al-Bahily RA menceritakan tentang remaja yang berkeinginan untuk melakukan kesalahan seksual. Berbeza dengan hadis yang dianalisis sebelumnya, hadis ini tidak diketahui secara jelas nama remaja tersebut.

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: إِنَّ فَتَى شَابًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَتَدُنُّ لِي بِالزَّيْنِ، فَأَقْبَلَ الْقَوْمُ عَلَيْهِ فَرَجَرُوهُ وَقَالُوا: مَهْ! مَهْ! فَقَالَ: أَذُنُهُ، فَدَنَا مِنْهُ قَرِيبًا، قَالَ: فَجَلَسَ، قَالَ: أَتُحِبُّهُ لِأُمِّكَ؟ قَالَ: لَا وَاللَّهِ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ، قَالَ: وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأُمَّهَاتِهِمْ، قَالَ: أَتُحِبُّهُ لِابْنَتِكَ؟ قَالَ: لَا وَاللَّهِ، يَا رَسُولَ اللَّهِ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ، قَالَ: وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِبَنَاتِهِمْ، قَالَ: أَتُحِبُّهُ لِأَخَوَاتِكَ؟ قَالَ: لَا وَاللَّهِ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ، قَالَ: وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأَخَوَاتِهِمْ، قَالَ: أَتُحِبُّهُ لِخَالَاتِكَ؟ قَالَ: لَا وَاللَّهِ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ، قَالَ: وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِخَالَاتِهِمْ، قَالَ: أَتُحِبُّهُ لِخَالَاتِكَ؟ قَالَ: لَا وَاللَّهِ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ، قَالَ: وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِخَالَاتِهِمْ، قَالَ: فَلَمْ يَكُنْ بَعْدَ ذَلِكَ الْفَتَى يَلْتَفِتُ إِلَى شَيْءٍ.

Maksudnya:

Dari Abu Umamah RA beliau bercerita, suatu hari seorang pemuda telah mendatangi Nabi Muhammad SAW lalu berkata: "Wahai Rasulullah, izinkanlah aku berzina". Mendengarkan permintaan tersebut maka orang yang berada di sekeliling baginda SAW bergegas mendekatinya lalu mengherdikannya. Melihat situasi tersebut Rasulullah SAW lantas bersabda: "Mendekatlah!" maka pemuda tersebut mendekati Nabi SAW lalu duduk di sampingnya. Rasulullah SAW seterusnya memulakan pertanyaan: "Apakah engkau suka jika ibumu dizinai?" pemuda itu menjawab: "Tidak, demi Allah! ya Rasulullah". Lalu Nabi SAW menjawab: "Demikianlah orang lain, mereka tidak rela jika ibu mereka dizinai". Kemudian Nabi SAW bertanya lagi: "Apakah kamu suka jika anak perempuanmu dizinai" pemuda itu menjawab: "Tidak, demi Allah! ya Rasulullah", lalu Nabi SAW menjawab: "Demikianlah orang lain, mereka juga tidak suka sekiranya anak perempuan mereka dizinai" Nabi SAW bertanya lagi: "Apakah kamu suka jika saudara perempuanmu dizinai?" pemuda itu menjawab: "Tidak! demi Allah! ya Rasulullah", lalu Nabi SAW menjawab: "Demikianlah orang lain, mereka juga tidak suka saudara perempuan mereka dizinai." Nabi SAW bertanya lagi: "Apakah kamu suka jika ibu saudara dari keturunan ayahmu dizinai?" Pemuda itu menjawab: "Tidak, demi Allah! ya Rasulullah" lalu baginda menjawab: "Begitulah orang lain, mereka juga tidak rela ibu saudara dari keturunan ayah mereka dizinai." Lalu baginda menyoal pemuda itu lagi: "Apakah kamu rela ibu saudara dari keturunan ibumu dizinai?" Pemuda itu menjawab: "Tidak, demi Allah! Ya Rasulullah." Lalu Rasulullah menjawab: "Begitulah orang lain, mereka juga tidak rela ibu saudara dari keturunan ibu mereka dizinai". Setelah itu, Rasulullah SAW kemudian meletakkan tangannya di dada pemuda tersebut lalu berdoa: "Ya Allah! Ampunilah kekhilafannya, sucikanlah hatinya dan peliharalah kemaluannya." Setelah kejadian tersebut, pemuda itu tidak pernah tertarik lagi untuk melakukan zina.

[Ahmad, Kitab *Mausu'ah Hadisiah Musnad al- Imam Ahmad bin Hambal, Tatimmah*, Hadis Abi Umamah al-Bahily, 22211: 545] Hadis Sahih. Riwayat Ahmad. Al- Tabrani, al-Baihaqi dan Syuaib al- Arna'ut menilai sahih sanadnya.

Hadis ini mengisahkan perihal remaja yang cenderung terhadap kesalahan seksual. Berdasarkan perkataan (إِنَّ فَتَى شَابًا) jelas menunjukkan bahawa individu tersebut adalah seorang remaja. Tingkahlaku menyimpang yang menarik keinginan remaja di dalam hadis perbuatan berzina. Berdasarkan kajian lepas, antara dorongan ke arah keinginan melakukan seks di kalangan remaja sebahagiannya dipengaruhi oleh keinginan biologi yang telah mencapai tahap kematangan. Walaupun dari sudut biologi remaja sudah mencapai tahap kematangan, namun dari sudut pemikiran kematangan belum sepenuhnya dapat dicapai. Kajian oleh (Che Anuar Bin Che Abdullah, 2018) mendapati jurang kematangan di antara biologi dan pemikiran menyebabkan sebahagian remaja terlibat kesalahan seksual. Oleh itu, menjadi satu keperluan untuk mengaplikasikan pendekatan bimbingan dan penasihat yang meraikan keadaan psikologi remaja yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi dalam tempoh perkembangan.

Berdasarkan analisis ke atas empat hadis yang dipilih, hadis ini adalah satu-satunya yang menggunakan kaedah teguran secara tertutup. Kaedah teguran oleh Rasulullah SAW terhadap remaja dengan menyediakan ruang



dialog tanpa melibatkan orang lain di dalam hadis ini menunjukkan sebahagian teguran perlu dilakukan secara tertutup bagi menjaga kemaslahatan diri pesalah. Menurut (al- Shatty 2009) tindakan Rasulullah mengarahkan remaja tersebut mendekat bertujuan untuk melunakkan hati dan mengelak dari terus menerima reaksi menghalang dari individu sekeliling yang boleh meninggalkan persepsi buruk di dalam diri dan menyebabkan pelaku jauh dari agama.

Konsep bimbingan berbentuk soal jawab adalah antara kaedah penting dalam proses didikan selain turut membantu meningkatkan kecerdasan intelaktual (IQ). Dan kaedah dialog turut digunakan oleh Rasulullah SAW sebagai pembimbing dalam menangani kes remaja di dalam hadis ini yang cenderung ke arah keinginan seks. Menurut (al-'Amir, 1990) soal jawab adalah proses pembimbing bertukar pandangan di mana melalui lontaran soalan dari kedua belah pihak menjadikan pemikiran dan jiwa individu yang dibimbing lebih terbuka dan dekat dengan pembimbing. Kaedah ini juga menurut al- Nahlawy (2007) membantu dalam membina dan menerapkan kefahaman dalam diri individu. Berdasarkan pendekatan yang terkandung dalam hadis ini, didapati pendekatan psikologi nabi mengandungi kaedah pembangunan kecerdasan agama (SQ), moral (MQ) emosi (MQ) dan intelektual (IQ) selain turut meraikan kesejahteraan psikologi remaja yang sesuai diaplikasi kepada remaja hari ini.

5. Hasil Kajian dan Perbincangan.

Berdasarkan kombinasi empat buah hadis yang dianalisis secara komprehensif, kajian mendapati konsep bimbingan yang ditemukan di dalam hadis menepati unsur bimbingan dalam peningkatan kecerdasan diri remaja. Kaedah bimbingan yang berbeza diambil Rasulullah SAW terhadap sahabat di dalam hadis menepati konsep pembangunan kesejahteraan psikologi berisiko yang meraikan keadaan psikologi dan mental remaja. Analisis mendapati, kaedah teguran yang terkandung di dalam hadis ditentukan oleh skop kesalahan dengan mengambil kira faktor kecerdasan dan reaksi sosial.

Berdasarkan kajian, kaedah bimbingan yang diaplikasi Rasulullah SAW berjaya mengimbangi keadaan psikologi remaja dalam proses perkembangan. Teguran bersifat tegas dan segera seperti mempersoal tindakan Zaid membela wanita *Makhzumiyah*, membunuh lelaki mengucapkan syahadah, dan teguran terhadap 'A'isyah yang bersikap kasar di dalam pertuturan dan perlakuan menepati konsep bimbingan yang disebut sebagai konfrontasi. Konsep ini diaplikasi di dalam proses kaunseling bertujuan membuktikan kepada klien sikap atau kepercayaan terhadap tingkah laku yang diambil adalah menyimpang (Ivey, 1980). Selain itu, teladan bimbingan terhadap 'A'isyah RA sangat diperlukan dalam proses didikan remaja hari ini yang semakin rendah nilai moral. Ini berikutan kajian oleh (Shaari et al., 2019; Moktarishah & Hasmadi, 2021) mendapati tingkah laku tidak sopan remaja hari ini bukan hanya berlaku di dunia nyata, bahkan menular di alam maya. Lebih membimbangkan membawa kepada perlakuan mengaibkan dan menyebabkan trauma terhadap mangsa. Pendekatan bimbingan melalui kaedah *tarhib* yang ini dilihat membantu remaja dalam meningkatkan kecerdasan moral (MQ) dan intelektual (IQ).

Sikap terburu-buru dalam memberi reaksi serta segera bertindak adalah gambaran Kecerdasan emosi (EQ) yang rendah. Merujuk kepada tingkahlaku 'A'isyah RA yang bersikap kasar terhadap kumpulan Yahudi dan Usamah bin Zaid RA yang membunuh lelaki mengucapkan syahadah menunjukkan tindakan yang diambil adalah disebabkan kesukaran mengendalikan emosi. Justeru mendatangkan saranan agama dalam proses bimbingan adalah penting dalam pembentukan psikologi beragama yang mendorong kepada kecerdasan emosi (EQ), moral (MQ) dan spiritual (SQ) pelaku. Menurut (Abdul Mujib & Jusuf Mudzkir, 2001) kecerdasan emosi (EQ) menurut Islam ialah kecerdasan berkaitan jiwa yang mampu mengendalikan nafsu impulsif dan agresif di mana dengan kecerdasan tersebut seseorang akan bertindak dengan berhati-hati, tenang, dan mampu bersabar menghadapi sesuatu. Manakala kecerdasan moral (MQ) berdasarkan perspektif Islam menurut Abdul Mujib (2001) adalah berkaitan kecerdasan jiwa yang mempunyai hubungan kait dengan hubungan sesama manusia dan alam semesta. Kecerdasan ini akan mendorong seseorang untuk bertindak dengan baik dan meninggalkan persepsi yang menyenangkan terhadap individu lain.

Rangkuman pemahaman hadis di atas yang memaparkan pendekatan bimbingan berasaskan kaedah menyoal atau pengulangan soalan, kaedah teguran berunsur *tarhib* beserta penjelasan oleh Rasulullah SAW terbukti berupaya membangunkan kecerdasan dalam diri remaja yang tersasar. Pendekatan Rasulullah SAW juga terbukti berkesan dalam memulihkan dan mencegah keinginan menyimpang remaja. Menurut (Chin, 2001) di dalam proses pendidikan, soalan yang dilontarkan merupakan alat psikologi dalam pemikiran, kaedah ini digunakan bagi meningkatkan kecerdasan intelaktual (IQ) dan mengembangkan tahap kognitif di dalam proses

perkembangan pendidikan (Zanaton, 2016). Menurut (Qadir Mukanisi, 2007) pengulangan kata oleh Rasulullah SAW dalam mendidik sahabat adalah untuk melahirkan rasa takut terhadap Allah di atas kesalahan yang dilakukan. Tindakan ini juga membantu meningkatkan Kecerdasan spiritual (SQ) remaja berisiko.

Teguran bersifat peribadi dan mengelak dari tanggapan reaksi sosial terhadap remaja yang cenderung kepada perlakuan menyimpang diambil Rasulullah SAW adalah melibatkan kesalahan yang bersifat umum atau bersangkutan dengan hak Allah SW.T. Menurut Asmah (2007), bimbingan dan penasihat secara peribadi adalah bimbingan yang membantu remaja meningkatkan intelektual dan moral sejajar dengan nilai masyarakat. Selain itu, melalui bimbingan dan penasihat secara individu, ia membantu mendorong remaja mengambil keputusan dengan waras dan bijaksana.

Di dalam hadis ini juga ditemui kaedah pendekatan psikologi yang membantu peningkatan kesejahteraan psikologi remaja melalui kaedah sentuhan dan mendoakan sebagaimana yang terkandung dalam hadis.

فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهِ وَقَالَ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ ذَنْبَهُ، وَطَهِّرْ قَلْبَهُ، وَحَصِّنْ فَرْجَهُ، قَالَ: فَلَمْ يَكُنْ بَعْدَ ذَلِكَ الْقَتْلِ يَلْتَفِتُ إِلَى شَيْءٍ

Maksudnya:

Maka Rasulullah SAW meletakkan tangannya di dada pemuda tersebut lalu berdoa: "Ya Allah! Ampunilah kekhilafannya, sucikanlah hatinya dan peliharalah kemaluannya". Setelah kejadian itu, pemuda tersebut tidak pernah tertarik lagi untuk melakukan zina".

Antara kaedah yang sering ditemukan di dalam proses didikan Rasulullah SAW terhadap remaja ialah kaedah sentuhan. Kaedah sentuhan dan mendoakan menunjukkan sikap peduli dan prihatin yang tinggi. Daripada layanan yang diterima persepsi positif akan terbina di dalam diri remaja dan melahirkan rasa dihargai dan sifat mesra. Menurut (Condri & Bough, 1998) kaedah sentuhan dapat membantu pembimbing dalam berkomunikasi. Perkara ini sangat penting dalam proses menjaga kesejahteraan psikologi remaja yang sedang mengalami tekanan dalam proses tumbesaran dan belum mencapai sepenuhnya tahap kematangan (Bahari et al. 2010). Di dalam proses bimbingan dan kaunseling, kepercayaan di antara pembimbing dan individu dibimbing adalah asas yang membantu keberhasilan bimbingan (Asmah Ismail 2012). Tambahan lagi, memelihara maruah dan harga diri individu yang menerima bimbingan adalah salah satu prinsip yang wajib dipatuhi dalam proses kaunseling dan bimbingan (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim and Mokhtar 2006; Samuel T. Gladding 2005). Pendekatan ini bagaimanapun lebih dahulu di praktikkan oleh Rasulullah SAW dalam proses mendidik remaja yang tersasar.

Hasil sorotan terhadap empat hadis yang telah dianalisis, wujud pendekatan yang membantu peningkatan kecerdasan di dalam konsep bimbingan dan penasihat sebagaimana yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW terhadap pesalah remaja di kalangan sahabat. Selain itu, aspek psikososial yang memberi kesan terhadap kawalan mental dan kesejahteraan emosi pesalah turut ditemui di dalam pendekatan psikologi Nabi. Tuntasnya, kecerdasan psikologi dan kesejahteraan psikososial mahupun psikologi ditemui di dalam kaedah bimbingan Nabawi. Justeru kajian menyimpulkan bahawa kaedah bimbingan dan penasihat Nabawi dalam meningkatkan kecerdasan remaja berisiko signifikan untuk dipraktikkan dalam proses bimbingan dan penasihat, kaunseling dan intervensi remaja berisiko.

5. Kesimpulan

Kajian ini menganalisis kaedah teguran dalam konsep bimbingan Nabawi terhadap remaja sebagai mekanisme pencegahan dan pemulihan remaja berisiko masa kini. Kompilasi empat buah hadis di atas mendapati konsep bimbingan Rasulullah sesuai dilaksanakan pendidik dan pembimbing hari ini bagi tujuan pembangunan Kecerdasan intelektual (IQ), moral, dan spiritual remaja berisiko bagi menjamin kesejahteraan psikologi dalam proses pemulihan. Kaedah teguran dengan mengambi kira keadaan dan psikologi remaja juga adalah menepati kaedah bimbingan dan kaunseling serta bersifat realistik untuk diaplikasikan oleh pendidik dan pembimbing hari ini. Berdasarkan analisis hadis berkaitan teladan Usamah bin Zaid RA, 'A'isyah binti Abu Bakar RA, dan remaja di dalam hadis Umamah al-Bahily yang mengandungi kaedah pendekatan psikologi Rasulullah SAW dalam menangani remaja pesalah, diharapkan kertas kajian dapat digarap sebagai model bimbingan dan diangkat sebagai pendekatan pencegahan pemulihan remaja berisiko di Malaysia.



PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian Pembangunan Model Intervensi Remaja Berisiko Berasaskan Psikologi Nabawi dibawah tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi kod dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental FRGS/1/2021/SS10/UKM/02/9.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdul Mujib, & Jusuf Mudzkir. (2001). *Nuansa- Nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.
- Absha Atiah Abu Bakar, & Mohd Isa Hamzah. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1–17. <https://ejournals.ukm.my/jhadhari/article/view/32738>
- Al-Asqalani, I. H. (2013). *Fathu al-Bari, Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al- 'Alamiyah.
- Al-Syawabikah, A. M. (2012). *Kitab al-Athar al-Thamin fi Nusrah A 'Isyah Radhiyallahu a 'nha- Ummu al-Mu 'minin*. Oman: Dar al-Faruq.
- Ammar Fadzil, Ahmed el-Mogtaba Bannga & Afendi Awang Hamat (2008). Shatibi's Theories of Knowledge as seen in his al-Muwafaqat: A Preliminary Study. *The International Journal of the Humanities: Annual Review*, 6(1), 231–238. <https://doi.org/10.18848/1447-9508/CGP/v06i01/42350>
- al-'Amir.N.K. (1990). *Min Asalib al-Rasul Sallahu A 'laihi al-Salam fi Tarbiyah*. Kuwait: Maktabah al-Busyra.
- al-'Asqalani, I.H. (2013) *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut, Lubnan: Dar al-Risalah al-Alamiyah.
- al-Baihaqi, A. B. (1989). *Kitab al-Sunan al-Saghir li al-Baihaqy*. Karachi, Pakistan: Jamia'h al-Dirasat al-Islamiyah.
- al-Ansari. (2005). *Minhah al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari (Tuhfah al-Bari)*. Riyadh, Saudi: Maktabah al-Rusyd.
- al- Nahlawy. A.R. (2007) *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyah wa Asalibuha fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama '.* Beirut, Lubnan. Dar al-Fikr.
- al-Salih, S. I. (1984). *U'lum al-Hadith wa Musthalahuh* (15 ed.). (T. B. al-Quraisyi, Ed.) Beirut, Lubnan: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- al-Sibai'e, M. H. (1982). *al-Sunnah Wa Makanatuha Fi Tasyri' al-Islamiy*. Beirut, Lubnan: Al-Maktab al-Islamiy.
- al- Suyuti, J. (1998). *al-Tausyih Syarh al-Jami ' al-Sahih*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- al- Shatty. M.Y. (2009). *al-Manhaj al-Nabawi fi Taqwim al-Akhtak*. Maktabah al- Umariyah.
- al- Tabari .A.J. (2001) *Tafsir al- Tabari: Jami ' al-Bayan 'an Ta'wil Aayi al-Qura 'n*. Kaherah: Dar- al-Ma'arif.
- al- Zahabi, S.D.(1996). *Siyar A 'lam al-Nubala '.* Beirut. Muassasah al-Risalah.
- Ibn Battal, A.H. (2003). *Kitab Syarh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Faris, A. 1979. *Mu 'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir. (1999). *Tafsir al-Qura 'n al-A 'zim li Ibn Kathir*. Beirut: Dar Sadir.
- Ivey, A. E & Downing, L.S. (1980). *Counseling and Psychotherapy: Skills, Theory, and Practice*. Englewood Cliffs: Prentice Hall
- Bahari, M. S., & Yahaya, A. 2010. Pengaruh Affect Related Characteristic, Kesan tanggapan Bahaya Dan Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap salah Laku Remaja di Zon Skudai, Negeri Johor. Ph.D. Dissertation, Universiti Teknologi Malaysia.
- Battal, I. (2000). *Syarh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Bernama. (2022). *Kes Jenayah Juvana di Pulau Pinang Membimbangkan*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-jenayah-juvana-di-pulau-pinang-membimbangkan-397870>. Retrieved: 03 April 2023
- Che Anuar Bin Che Abdullah. (2018). *Kecenderungan Tingkah Laku Seks Berisiko Remaja, Remaja Dengan Komunikasi Seksualiti Dalam Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya, Efikasi Dan Estim Kendiri*. PhD Dissertation. Universiti Pendidikan Sultan Idris. https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/4505_4505.pdf
- Chin, C. (2001). Student-Generated Question: What They Tell Us About Student's Thinking. Paper Read at Annual Meeting of teh American Educational Research Association. *Education Journal*, 29(2), 85–103 <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:140792660>.
- Goleman, D. (1998). *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books
- Gross, Douglas R., and David Capuzzi. 1976. Defining Youth at Risk. Pp. 3–22 in *Youth at Risk a Prevention Resource for Counselors, Teachers, and Parents*. Unitted States: American Counseling Association.



- Holmes, E. A., O'Connor, R. C., Perry, V. H., Tracey, I., Wessely, S., Arseneault, L., Ballard, C., Christensen, H., Cohen Silver, R., Everall, I., Ford, T., John, A., Kabir, T., King, K., Madan, I., Michie, S., Przybylski, A. K., Shafran, R., Sweeney, A., ... Bullmore, E. (2020). Multidisciplinary research priorities for the COVID-19 pandemic: a call for action for mental health science. *The Lancet Psychiatry*, 7(6), 547–560. <https://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S2215036620301681>
- Ibn Kathir. (1999). *Tafsir al-Qura'n al-A'zim li Ibn Kathir*. Beirut: Dar Sader.
- Jones, Arthur J. (Arthur Julius). 1970. *Principles of Guidance*. Sixth Edit. edited by Buford. Steffle and N. R. Stewart. McGraw-Hill Book Company.
- Condriil, J. & Bough, B. (2005). *101 Ways to Improve Your Communication Skills Instantly*. Goalminds.
- Khalid, M.K. 2000. *Rijal Haula Al-Rasul*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Khadijah Rohani bt Mohd Yunus, & Nazarah bt Ab. Samad (2007). *Bimbingan & Penasihatannya: Falsafah, Kemahiran, Proses dan Etika*. Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Lashin, M.S. (2002) *Fathu al-Muni'm Syarh Sahih Muslim*. Mesir: Dar al-Syuruq
- Maa'ddi, al-H. al-H. (2011). *Rijal wa Nisa' Haula al-Rasul*. Kaherah: Dar al-Haram li al-Turath.
- Mariam Abd Majid, Nurul Zafirah Azman, & Nurul Izzah Mohd Yani. (2019). Faktor Penglibatan Remaja Dalam Salah Laku Seksual: Kajian Terhadap Remaja Hamil Luar Nikah Di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 94–109. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.59>
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, and Halimatun Halaliah Mokhtar. 2006. *Kaunseling Individu: Apa Dan Bagaimana*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mohamad Faizal Hashim. (2020). Trend Jenayah Remaja dan Kanak-kanak Membimbangkan. www.Utusan.Com.My.
- Mohd Hamdan Abdullah, Fariza Md. Sham, and A'dawiyah Ismail. 2018. "Pendekatan Motivasi Dalam Dakwah Remaja (Motivation Approach of Dakwah for The Teenager)." *Jurnal Hadhari: An International Journal* 10(1):77–92.
- Mohd Nazim, Azyyati, Pusat Pengajian Dakwah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, and Universiti Sultan Zainal Abidin. 2017. "[Factors of Deviation Among At-Risk Adolescents from an Islamic Perspective] Faktor Penyimpangan Dalam Kalangan Remaja Berisiko Dari Perspektif Islam." *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 15(1):1–18. doi: 10.37231/JIMK.2017.15.1.217.
- Muslim. 1900. *Sahih Muslim*. Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-Araby.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Saleh, & Khairul Hamimah Mohamad Jodi. (2019). Penerapan Elemen Kerohanian terhadap Remaja Berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID). *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 6(Special Issue), 87–98. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/20804>
- Norhashimah Yahya, Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Siti Hajar Mohamad Yusoff, Mohamad Sani Ismail, Aman Daima Md Zain, Muhammad Hafizi Rozali, & Akila Mamat. (2021). Elemen Kesufian Menurut Al-Muhasibi Dan Hubungannya Dengan Psikospiritual Dalam Menangani Tekanan Akibat Pandemi COVID 19. *Global Journal of Educational Research and Management*, 1(3), 186–192. <https://myedujournal.com/index.php/edugermane/article/view/91>
- NHMS, N. H. (2019). *Non- Communicable Diseases: Risk Factors and Other Health Problems*. Selangor, Malaysia: National Institutes of Health (NIH), Ministry of Health, Malaysia.
- Omar Ahmad. (2020). *Jenayah Pelajar Sekolah Membimbangkan*. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/12/760676/jenayah-pelajar-sekolah-membimbangkan>
- Othman Md Johan, & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor- Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Psychology Counseling*, 1(7), 115–140.
- Rahim Kamarul Zaman, Khairulnazrin Nasir, Abdul Azib Hussain, & Muhammad Adam Abd. Azid. (2021). Kejahteraan Psikologi Berdasarkan Praktik al-Tafakur Generasi Salaf: Analisis Perspektif Hadis. *International Refereed Academic Journal in Hadith Studies*, 11(22), 792–801. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/hadis.v11i22.167>
- Shaari, A. H., Kamaluddin, M. R., Bahasa, K., & Etika, K. (2019). *Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia*. *Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia*, 16(6).
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Muhammad Talhah Ajmain@ Jima'ain, & Ajamain Safar. (2019). Pendidikan Anak- Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan. *Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor*, 1–



Published biannually by:
**HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Email: jurnahadis@kuis.edu.my
Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 26 (December 2023)

14.

Shihab, M. Q. (2002). *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.

WHO. (2021, November 17). *Mental Health Of Adolescents*. Retrieved from World Health Organization:
<https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/adolescent-mental-health>

Zanaton Haji Iksan (2016). *Soalan Lisan Dalam Proses Pengajaran*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zohar, Danah, and Ian Marshall, (2000) *SQ: Spiritual Inteliligent the Ultimate Intellagence*. Soho Square, London: Vlomsbury Publishing.